

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PELRASMIAN SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA  
HUTAN LIPUR, CHERUK TOK KUN  
16 SEPTEMBER 2017 (SABTU), 11.30 PAGI**

---

**Yang Berbahagia Profesor Dr Chan Ngai Weng**  
Presiden Water Watch Penang

**Yang Dihormati Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ahli Pasukan Water Watch Penang**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Hadirin Sekalian**

**YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

---

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat pagi dan  
Selamat Hari Malaysia. Pada hari ini, saya mewakili Dato' Sr Haji Rozali  
Bin Haji Mohamud, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai*

kerana beliau menghadiri Sambutan Hari Malaysia di Sp Arena.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini sempena sambutan Hari Sungai Sedunia dengan tema “Sungai Kita 2030” dan secara kebetulan Hari Malaysia juga jatuh pada hari ini. Terima kasih kepada semua pengunjung yang hadir samada secara langsung bagi menghadiri program ini atau secara tidak langsung dengan menjadikan Hutan Lipur Cherok Tok Kun ini sebagai destinasi utama untuk beriadah atau berekreasi bersama keluarga tuan-tuan dan puan-puan pada hujung minggu atau masa lapang.

MPSP bersama-sama dengan Water Watch Penang merasakan sudah menjadi tanggungjawab kita penduduk Seberang Perai untuk memelihara sungai kita untuk generasi masa hadapan. Sungai ibarat nadi kehidupan bak kata mutiara merawat sungai seperti merawat kehidupan kita.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Hadirin Sekalian**

MPSP sentiasa berusaha untuk memastikan kelestarian hijau dapat diteruskan dan dipelihara di seluruh Seberang Perai. Oleh itu, MPSP dengan kerjasama Water Watch Penang cuba menyusun program

kesedaran supaya penduduk Seberang Perai menghargai anugerah yang dikurniakan tuhan ini kepada kita.

MPSP telah bersama dengan Water Watch Penang mengadakan latihan pendidikan dan kesedaran kualiti air sejak pelancaran pada 18 Mac 2017. Sejak pelancaran, sebanyak tujuh (7) buah sekolah menengah telah menyertai program ini. Antaranya ialah SMK Convent Butterwoth, SMK Perai, SMK Tun Syed Sheh Shahabudin, SMK Valdor, SMK Berapit, SMK Kampung Selamat dan SMK Taman Perwira. Saya menjemput lebih banyak sekolah-sekolah terlibat dalam program seperti ini dan MPSP mensasarkan sebanyak 10 buah sekolah lagi sehingga bulan November ini.

Sempena Hari Sungai Sedunia 2017 ini, MPSP dan Water Watch Penang dengan sokongan *Global Environmental Centre* dan *National River Care* menganjurkan pertandingan melukis dan mewarna bagi murid-murid sekolah rendah di seluruh Seberang Perai. Kategori yang dipertandingkan terbahagi kepada dua iaitu kategori A daripada umur 7 hingga 9 tahun dan kategori B daripada umur 10 hingga 12 tahun. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pelajar tentang kepentingan memelihara dan memulihara sungai pada masa hadapan. Selain itu, ia juga boleh meningkatkan

kemahiran untuk menyatupadukan pemikiran dan kefahaman tentang alam sekitar melalui seni lukis. Melalui pendidikan dan kesedaran, kita berharap agar dapat menukar budaya masyarakat sekarang daripada tidak mengendahkan kepada konsep prihatin dan mengendahkan.

Sungai yang bersih dan cantik mewujudkan persekitaran yang sihat dan menarik untuk rekreasi. Pengindahan sungai perlu berjalan seiring dengan program lanskap yang bersesuaian dengan kawasan persekitaran dan alam semulajadi. Ini kerana dengan adanya konsep sungai dan lanskap yang menarik, ianya akan menjadi tumpuan utama dan suatu kebanggaan dan kegembiraan penduduk Seberang Perai.

Di Seberang Perai, terdapat tiga (3) sungai yang menjadi sungai angkat kepada badan-badan korporat seperti South Island Garment Sdn Bhd, Amphenol TCS (M) Sdn Bhd, Uchi Electronics dan Armstrong Industrial Company Limited. Sungai tersebut adalah Sungai Derhaka yang diambil sungai angkat oleh South Island Garment Sdn Bhd dan Armstrong Industrial Company, Sungai Junjung Mati oleh Amphenol TCS (M) Sdn Bhd dan kawasan Perai oleh Uchi electronics. Syarikat-syarikat ini telah mengambil inisiatif membuat bebola tanah atau *mudballs* untuk dilontarkan ke dalam sungai tersebut setiap bulan. Pada tahun 2016, kita telah menghasilkan sebanyak 25,600 *mudballs* dan tahun 2017 sebanyak

28,930 *mudballs*. Kualiti air bagi ke tiga-tiga sungai tersebut juga telah meningkat menjadi lebih baik. Sasaran kita pada tahun 2030, kualiti air kita akan menjadi baik kepada paras satu (1) yg terbaik pada masa hadapan dan penduduk Seberang Perai akan menikmati keindahan dan kebaikan daripadanya. Boleh dikatakan kebanyakan sungai di Pulau Pinang termasuk Seberang Perai berada dalam paras tiga (3) dan (4). Oleh itu, pelbagai program perlu diterapkan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya menjaga sungai kita dan hasilnya pelbagai aktiviti-aktiviti riadah dapat dijalankan oleh penduduk. Oleh sebab itu, MPSP mengharapkan penglibatan aktif dan proaktif daripada sektor korporat juga bagi mencapai hasrat Seberang Perai ke arah sebuah bandar mampan.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Hadirin Sekalian**

Di kesempatan ini saya ingin membuat sedikit hebahan iaitu MPSP sedang merangka Pembentukan **Pelan Strategik 2018-2022**. Dalam pembentukan pelan strategik, MPSP melibatkan *stakeholders* dalam menentukan 10 fokus area yang akan dijadikan *strategic priorities* melalui kajian soal selidik. Borang kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan input serta pandangan daripada *stakeholders* mengenai Seberang Perai yang mereka inginkan pada tahun 2022. MPSP akan menumpukan 10

*strategic priorities* yang menjadi fokus utama dalam mengerakkan Pelan Strategik MPSP 2018-2022. Borang kaji selidik ini akan digunakan dalam mendapatkan input melalui *online survey*, edaran soal selidik kepada pejabat-pejabat YB, Ahli-ahli Majlis, warga Seberang Perai dan *out reach programs*.

Borang kaji selidik secara *online survey* telah dipaparkan di laman web MPSP [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) pada 30 Ogos 2017. *Stakeholders* boleh mengisi borang kaji selidik secara online melalui [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) dengan klik pada borang “Kaji Selidik Kehendak Pelanggan terhadap Pembentukan Pelan Strategik MPSP 2018-2022”. Pengguna dikehendaki mengisi semua ruangan yang telah disediakan dan memilih 10 *strategic priorities* yang perlu diberi keutamaan oleh MPSP. Setelah selesai mengisi 10 *strategic priorities*, pengguna disyorkan mengemukakan cadangan berkenaan **Pernyataan Visi Seberang Perai Tahun 2022**.

Ini merupakan salah satu kaedah *down to the ground* untuk menunjukkan yang MPSP selama ini bukan hanya bercakap kosong tetapi lebih komited untuk melaksanakan tugas dan perkhidmatan yang diamanahkan untuk kebaikan dan keselesaan seluruh penduduk Seberang Perai. Saya mohon juga kepada semua yang hadir di sini untuk mengambil sedikit sahaja masa anda untuk menyumbangkan idea

mengikuti kehendak tuan-tuan dan puan-puan. Seberang Perai bukan hanya untuk MPSP bahkan “*Seberang Perai is the City for All*”. Saya mohon tuan-tuan dan puan-puan ke meja pendaftaran untuk mengisi survey tersebut.

“*Seberang Perai Is For All*” bermaksud tanggungjawab menggalas harapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri kita bersih, hijau, selamat, sihat dan lebih gembira bukan hanya tertumpu kepada MPSP sahaja, tetapi juga kepada seluruh penduduk Seberang Perai. Saya percaya dengan adanya “*Smart Partnership*” kita dapat meletakkan sasaran sebagai sebuah bandar rendah karbon pada tahun 2022 dan sasaran tema hari ini dapat diawalkan daripada 2030 ke tahun 2022. Insyaallah.

Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada pemenang-pemenang pertandingan melukis dan mewarna nanti dan semua yang terlibat dalam program ini. Dengan ini, dengan ucapan bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan “Program Sungai Sedunia 2017”.

Sekian, terima kasih.